

Rakyat Malaysia harus hargai kebebasan media massa

Kebebasan media sangat penting dalam proses demokrasi kerana menjadi keutamaan yang keempat selepas lembaga eksekutif, legislatif dan kehakiman.

Kebebasan media di Malaysia berada tahap yang sewajarnya selaras dengan keperluan sosial rakyat pelbagai kaum. Ia lebih baik berbanding China, Asia Barat, negara komunis dan bekas komunis.

Seperti yang kita ketahui, baru-baru ini berlaku demonstrasi di China kerana rakyat menuntut kebebasan media. Penunjuk perasaan membantah tekanan terhadap akhbar *Southern Weekly* yang menyeru hak asasi rakyat dilindungi dan sekatan media dihentikan.

Sekatan itu menimbulkan rasa tidak puas hati pembaca dalam talian termasuk pekerja syarikat berkenaan.

Salah guna kebebasan

Di beberapa negara lain pula, isu kebebasan disalahgunakan pihak tertentu untuk menyebarkan dakwah jahat mereka.

Media yang tidak bertanggungjawab sering menimbulkan impak tidak baik kepada masyarakat. Hak bersama sering di-

ketepikan oleh segelintir individu dan akhirnya kebebasan media menjadi medan untuk melontarkan tohmahan melulu.

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan penyalahgunaan kebebasan berpendapat. Antaranya kerana kebanyakan manusia lebih mengutamakan kepentingan ekonomi. Seterusnya, campur ta-

ngan pihak ketiga, ketidakadilan, mementingkan diri sendiri dan juga tidak mempertimbangkan keadaan sosial budaya masyarakat.

Setiap pihak mempunyai impak positif dan negatif dalam penyalahgunaan kebebasan media massa. Bagi individu, impak positif terhasil apabila sesuatu berita dapat meningkatkan nilai positif peribadinya sehingga mendorong masyarakat untuk berpendapat bahawa dirinya mempunyai peribadi yang jujur dan benar. Impak negatif pula terhasil apabila berita menghancurkan nilai positif peribadinya dalam kalangan masyarakat sehingga mengakibatkan pandangan yang tidak baik terhadapnya.

Hal itu akan memberi kesan pula dalam aspek perniagaan. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu bersyukur kerana kita masih mempunyai media yang dikawal kerana jika tidak dikawal ia akan menimbulkan banyak kesan negatif.

Nor Amirah Awang @ Yaacob,
Universiti Sains Islam Malaysia.

“

Kebebasan media di Malaysia berada tahap yang sewajarnya selaras dengan keperluan sosial rakyat pelbagai kaum”